



SIARAN MEDIA

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

10 NOVEMBER 2017

PERMULAAN MONSUN TIMUR LAUT

Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh di Malaysia dijangka bermula pada 13 November 2017 sehingga Mac 2018. Semasa Monsun Timur Laut pada tahun ini, sebanyak empat sehingga lima episod hujan lebat dijangka berlaku. Episod hujan lebat dijangka berlaku di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor pada November dan Disember 2017. Manakala pada Disember 2017 dan Januari 2018, episod hujan lebat dijangka lebih tertumpu di barat Sarawak serta utara dan timur Sabah.

Semasa Monsun Timur Laut, hujan berterusan untuk tempoh sehingga tiga hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan-kawasan berkedudukan rendah dan kawasan cenderung banjir. Sekiranya hujan lebat berlaku serentak dengan kejadian air pasang, risiko kejadian banjir akan menjadi lebih buruk.

Orang ramai dinasihatkan agar lebih berwaspada dan bersiapsiaga dalam menghadapi musim tengkujuh ini serta sentiasa peka dengan amaran hujan lebat yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia melalui laman web www.met.gov.my, aplikasi mobil myCuaca, facebook: malaysiamet, twitter: @malaysianmet, perkhidmatan SMS 15888 dan MMD Hotline di talian 1 300 22 1MET (1638).

**Ketua Pengarah
Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**